

MAJLIS KHATAM AL-QURAN SEMPENA RAMADHAN AL-MUBARAK BAGI TAHUN 2018M/1439H DI PU GONG KEDAK

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3542-majlis-khatam-al-quran-sempena-ramadhan-al-mubarak-bagi-tahun-2018m-1439h-di-pu-gong-kedak

GONG KEDAK, 6 Jun 18 – Pejabat Agama Pangkalan telah menganjurkan Majlis Khatam Al-Quran sempena bulan Ramadhan Al-Mubarak 2018M/1439H. Majlis ini telah diadakan di Masjid Al-Raudhah Pangkalan Udara Gong Kedak. Peserta Khatam Al-Quran pada majlis ini terdiri daripada 46 anggota Pegawai dan anggota Lain-lain Pangkat serta 14 ahli BAKAT Pangkalan memimpin bacaan ayat suci Al-Quran dan Khatam Al-Quran di ketuai oleh Pegawai Agama Pangkalan, Mej Anuar bin Mat Zain.

Turut hadir sama di majlis ini ialah Komander Pangkalan, Brig Jen Dato' Suhaimi bin Hussain TUDM, Pengerusi BAKAT Pangkalan, Datin Noor Suriati binti Mohd Suri, Pengerusi Masjid Ar-Raudhah, Lt Kol Nornizam bin Kamarudin TUDM, Pegawai-pegawai Kanan, Pegawai-pegawai dan anggota Pangkalan Udara Gong Kedak serta Ahli BAKAT pangkalan. Selesai majlis tersebut, penyampaian cenderahati kepada peserta Khatam Al-Quran.

